Polis ambil keterangan Dr Mahathir berkaitan kenyataan Idi Amin
Astro Awani
Jun 29, 2016

PUTRAJAYA: Polis hari ini mengambil keterangan daripada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung kenyataannya yang didakwa menyamakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dengan pemimpin diktator Uganda Idi Amin.

Proses yang dijalankan polis Bukit Aman itu berlangsung di pejabat beliau di Yayasan Kepimpinan Perdana di Presint 8, di sini.

Peguam yang mewakili Dr Mahathir, Mohamed Haniff Khatri Abdulla, ketika dihubungi Bernama mengesahkan perkara itu.

"Dalam 20 minit. Dalam 30 soalan. Ada soalan-soalan yang Tun dinasihatkan oleh peguam untuk tidak jawab," katanya.

Dr Mahathir didakwa mengeluarkan kenyataan itu ketika kempen pilihan raya kecil Parlimen Kuala Kangsar, Perak baru-baru ini.

Tag: Tun Mahathir, siasat, Najib Razak, Idi Amin

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.
Source: http://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-ambil-keterangan-dr-mahathir-berkaitan-kenyataan-idi-amin-109577